



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## **SIARAN MEDIA**

### **GOLONGAN AGROPRENEUR MUDA TURUT DILIBATKAN MELALUI DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN 2022**

**MUAR, 10 Mac 2022 –** YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (I) hari ini merasmikan Program Dialog Industri Agromakanan 2022 Negeri Johor di Kompleks Peladang PPK Muar Selatan.

Menurut Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, sektor pertanian dan industri makanan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana ekonomi serta meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan negara. Sebagai peneraju dalam sektor pertanian, MAFI berperanan mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan kompetitif.

Katanya Kementerian melalui Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada golongan muda berumur 40 tahun kebawah seperti Geran Agropreneur Muda sehingga RM20,000, pakej pembiayaan melalui Agrobank, program latihan teknikal melalui Jabatan dan Agensi MAFI, taklimat dan perkongsian ilmu melalui FB Live, webinar dan pelbagai lagi platform yang sering digunakan oleh golongan muda sebagai salah satu kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk menyampaikan segala maklumat kepada golongan sasar.

Kementerian turut menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di samping menarik lebih ramai usahawan industri asas tani untuk menyertai industri hiliran agromakanan. Program *Change Upgrade Product* (CUP) sebagai contohnya, adalah terbuka kepada usahawan mikro yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan produk makanan dan bukan makanan dengan nilai jualan kurang daripada RM300 ribu setahun. Bantuan disediakan dalam bentuk geran pemasaran (nilai maksimum geran sebanyak RM60 ribu) iaitu 70% pembiayaan Kerajaan manakala 30% adalah dibiayai oleh usahawan. Skop bantuan meliputi kajian pembangunan kualiti produk, reka bentuk pembungkusan dan pelabelan, peningkatan kapasiti pengeluaran, penambahbaikan premis ke arah persijilan dan perolehan papan tanda perniagaan.

Program Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022 Negeri Johor, kali ini mensasarkan seramai 100 orang peserta terdiri daripada kalangan Agropreneur Muda di dalam industri sektor agromakanan merangkumi subsektor perikanan, tanaman, ternakan dan keseluruhan rantai agromakanan di sepanjang rantai nilai sektor agromakanan.

Menerusi sesi dialog kali ini, ianya turut melibatkan golongan Agroprenuer Muda, selain pemain industri sektor agromakanan dan penglibatan daripada jabatan dan agensi di bawah MAFI serta agensi lain yang berkepentingan dalam sektor agromakanan.

Dalam usaha membantu golongan sasar Kementerian turut melaksanakan Program Rezeki Tani, dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan peserta melalui bantuan projek ekonomi dalam bidang pertanian dan industri makanan/asas tani. Kumpulan sasaran peserta program terdiri daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah yang berdaftar dalam Sistem eKasih. Penerima bantuan perlu menjalankan projek *quick-win* iaitu projek yang memberikan hasil dalam tempoh yang singkat di antara tiga (3) hingga enam (6) bulan dan berpotensi memberi pulangan yang baik. Kadar bantuan maksimum yang diperuntukkan kepada setiap peserta adalah sebanyak RM10,000 dalam bentuk *in-kind* dan latihan.

Kementerian berharap menerusi program ini, aspirasi harapan dan amanat Kerajaan/MAFI disampaikan kepada pemain industri dan terurtamanya golongan agroprenuer muda agar dapat menjayakan/menyokong pemodenan dan produktiviti Sekuriti Makanan demi Keluarga Malaysia.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**10 MAC 2022**